



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

18 JANUARI 2019

1. Pemandu teksi dipenjarakan dua tahun; Berita harian
2. Lelaki bunuh kucing dipenjarakan 2 tahun; Kosmo
3. Cabbie jailed 2 years for killing cat; News Straits Times

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Mahkamah	M/SURAT: 22	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
18 Januari 2019			

ANIAYA KUCING BUNTING HINGGA MATI

Pemandu teksi dipenjarakan dua tahun

Tertuduh tukar pengakuan bersalah perbuatan di kedai dobi

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Seorang pemandu teksi dihukum penjara dua tahun oleh Mahkamah Sesyen Selayang, selepas mengaku bersalah bertindak kejam memasukkan seekor kucing bunting ke dalam mesin pengering hingga mati, September tahun lalu.

Hakim Rasyidah Ghazali, menjatuhkan hukuman itu terhadap A Mohanraj, 42, selepas tertuduh me-

nukar pengakuan kepada bersalah ketika kes ditetapkan untuk sebutan semula.

Mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara bermula dari tarikh tangkap pada 14 September tahun lalu.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Mohanraj didakwa dengan kejam menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap seekor kucing di kedai dobi Queen Self-Service, Taman Gombak Ria, di sini, jam 12.54 tengah malam hingga 1 pagi, pada 16 September tahun lalu.

Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) perbuatan tertuduh menangkap dan memasukkan seekor kucing bunting ke dalam mesin pengering sehingga mati dalam keadaan berdarah, tersebar luas di media sosial.

Dia didakwa mengikut 29 (1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan dihukum mengikut Seksyen 29 (1) akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Resesksaan.

Ia diperuntukkan hukuman



(FOTO EIZABI SHAMSUDIN/BU)

Pegawai Veterinar membawa bangkai kucing di Mahkamah Sesyen Selayang berikutan percabaran kes viral dera kucing di kedai dobi tahun lalu.

penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Berjanji tak ulang kesalahan

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam, dalam rayuannya memohon dijatuhkan hukuman ringan dengan alasan perlu menanggung isteri dan menjaga ibu yang sakit.

"Sepanjang dalam tahanan, saya sering diejek dan dihina oleh banduan lain. Sehubungan itu, saya ingin memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan ini," katanya.

Bagaimanapun, Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor, Roslan Mohd Isa, membantah rayuan itu dan memohon hukuman berat kerana kesalahan membabitkan kepentingan awam yang menyaksikan tingkah laku menganiaya dan menzalimi haiwan yang tidak mampu melawan.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Negara	M/SURAT: <input type="text" value="6"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
18 Januari 2019			

Lelaki bunuh kucing dipenjara 2 tahun

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

SELAYANG - Perbuatan kejam seorang pemandu teksi yang membunuh seekor kucing betina bunting dengan memasukkan haiwan itu ke dalam mesin pengering pakaian di sebuah premis dobi tahun lalu akhirnya berbalas apabila dia dihukum penjara dua tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Rasyidah Ghazali menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, A. Mohanraj, 42, selepas lelaki itu menukar kepada pengakuan bersalah pada sebutan semula kesnya.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara itu bermula dari tarikh tertuduh ditangkap pada 14 September 2018.

Sebelum ini, rakan Mohanraj, S.Satthiya, 27, dilepas tanpa dibebaskan daripada pertuduhan sama manakala seorang lagi tertuduh, K. Ganesh, 42, masih kekal dengan pengakuan tidak bersalah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan kejam menyebabkan penderitaan yang tidak



MOHANRAJ (kanan) mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Selayang semalam atas pertuduhan membunuh seekor kucing dengan memasukkan haiwan itu ke dalam mesin pengering sebuah dobi di Taman Gombak Ria, Gombak pada September lalu.



KERATAN *Kosmo!* 13 September 2018.

sepatutnya terhadap seekor kucing di premis Dobi Queen Self Service Laundry, Taman Gombak Ria antara pukul 12.54 tengah malam hingga 1 pagi pada 11 September 2018.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 29(1)

(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Berdasarkan seksyen itu, kedua-dua tertuduh boleh dihukum denda tidak kurang RM20,000 dan maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon mahkamah me-

ngikan hukuman ringan dengan sebab kesal dan insaf dengan apa yang telah dilakukan.

"Saya ingin memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia dan saya berjanji tidak akan mengulangi perbuatan ini lagi. Sepanjang ditahan saya telah dihina dan diejek oleh banduan lain kerana perbuatan saya ini," katanya.

Mengikut fakta kes, pada 11 September 2018, pengadu yang juga pengurus premis dobi telah menerima panggilan telefon daripada pelanggan yang memaklumkan terdapat bangkai kucing dalam mesin pengering baju bernombor siri D12.

Kosmo! pada 13 September 2018 melaporkan dua lelaki bagai tiada hati perut bertindak memasukkan seekor kucing betina bunting dalam mesin pengering pakaian sehingga ditemui mati dalam keadaan berdarah akibat melecur.

Perbuatan mereka disiarkan melalui rakaman video daripada CCTV yang ditularkan oleh Persatuan Haiwan Malaysia sehingga mendapat banyak kritikan daripada netizen.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input checked="" type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : News/Nation		M/SURAT: <input type="text" value="7"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
18 Januari 2019			

ANIMAL ABUSE

CABBIE JAILED 2 YEARS FOR KILLING CAT

He and another threw a pregnant cat into a dryer at a laundrette and switched it on in September

FARAH MARSHITA ABDUL PATAH
KUALA LUMPUR
cnews@nstp.com.my

A TAXI driver, 42, who appeared in a viral video clip with another man killing a cat in a dryer at a self-service laundrette, was sentenced to two years' jail at the Selayang Sessions Court.

Judge Rasyidah Ghazali meted out the sentence against A. Mohanraj after he changed his plea to guilty when the case came up for mention.

She ordered Mohanraj's sentence to begin from the date of his arrest on Sept 14.

The accused had been charged, together with another person at large, with cruelly causing unnecessary suffering to an animal at the self-service laundrette in Taman Gombak Ria, Batu Caves, between 12.54am and 1am on Sept 11.

The charge, under Section 29

(1) (e) of the Animal Welfare Act 2015, punishable under Section 29 (1) of the same act and read together with Section 34 of the Penal Code, carries a maximum fine of RM100,000 or a jail term of up to three years or both, upon conviction.

Before sentencing, Mohanraj, who was unrepresented, pleaded for a lenient sentence as he had a wife and an ill mother to care for.

"Throughout my detention, I have been ridiculed and insulted by detainees.

"I apologise to all Malaysians and promise that I will not repeat this offence."

However, Selangor Veterinary Services Department (DVS) prosecuting officer Roslan Mohd Isa objected, saying that a deterrent sentence should be handed down as it involved public interest.

"As a human being who should be able to think for himself, the accused should be protecting animals as they are defenceless. (Such actions) cannot be accepted by society," said Roslan, who handled prosecution with deputy public prosecutor Nurul Ain Shafie.

Prior to this case, Mohanraj's friend, S. Saththiya, 27, was given a discharge not amounting to an acquittal for the same offence.

Contract worker K. Ganesh, 42, who was charged with the same offence, has maintained his plea of not guilty.

According to the facts of the case, the manager of the laundrette received a call from a customer telling him that the carcass of a cat had been found in one of the dryers.

The manager checked closed-circuit television camera footage and found that two men had taken a pregnant cat, which had been under one of the tables at the laundrette, thrown it into the dryer and turned it on.

The manager made a police report.

The accused, A. Mohanraj, was sentenced to two years in prison by the Sessions Court in Selayang yesterday for cruelly causing unnecessary suffering to a cat in a laundrette last year. PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

